



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

**Manual Rujukan Mahkamah dan Penimbang Tara
kepada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara
Malaysia di bawah Seksyen 51 dan Seksyen 56 Akta
Bank Negara Malaysia 2009**

Bank Negara Malaysia telah menerbitkan "**Manual Rujukan Mahkamah dan Penimbang Tara kepada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (Manual)**" yang bertujuan untuk melancarkan proses rujukan sebarang persoalan Syariah berhubung kewangan Islam oleh mahkamah dan penimbang tara kepada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS BNM). Manual ini menggariskan prosedur dan kaedah membuat rujukan persoalan-persoalan Syariah yang timbul dalam prosiding mahkamah atau penimbang tara kepada MPS bagi panduan pihak mahkamah dan penimbang tara.

[Muat turun Manual Rujukan Mahkamah dan Penimbang Tara kepada MPS](#)

(Nota: Buat masa ini hanya ada versi Bahasa Melayu)

Bank Negara Malaysia

10 Februari 2014



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Manual
Rujukan Mahkamah dan Penimbang Tara
kepada
Majlis Penasihat Syariah
Bank Negara Malaysia

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN A: PERMULAAN

- PENGENALAN

BAHAGIAN B: MEMBUAT RUJUKAN KEPADA MAJLIS PENASIHAT SYARIAH BANK NEGARA MALAYSIA

- MENGEMUKAKAN RUJUKAN BERHUBUNG DENGAN PERSOALAN SYARIAH BERKENAAN PERNIAGAAN KEWANGAN ISLAM
- PERSOALAN BERBANGKIT BERHUBUNG DENGAN PERKARA SYARIAH BERKENAAN PERNIAGAAN KEWANGAN ISLAM

BAHAGIAN C: PENERIMAAN RUJUKAN DARIPADA MAHKAMAH DAN PENIMBANG TARA

- CARTA ALIRAN RUJUKAN DARIPADA MAHKAMAH DAN PENIMBANG TARA

BAHAGIAN D: TADBIR URUS DAN PROSEDUR MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT SYARIAH

- MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT SYARIAH
- HAK UNTUK DIDENGARI

LAMPIRAN A

BAHAGIAN A: PERMULAAN

PENGENALAN

1. Manual ini diterbitkan sebagai panduan kepada mahkamah dan penimbang tara dalam membuat rujukan berhubung dengan persoalan Syariah berkenaan perniagaan kewangan Islam kepada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS).
2. Manual ini diterbitkan di bawah seksyen 51 dan seksyen 56 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

BAHAGIAN B: MEMBUAT RUJUKAN KEPADA MAJLIS PENASIHAT SYARIAH BANK NEGARA MALAYSIA

MENGEMUKAKAN RUJUKAN BERHUBUNG PERSOALAN SYARIAH BERKENAAN PERNIAGAAN KEWANGAN ISLAM

3. Sebelum mengemukakan rujukan berhubung dengan persoalan Syariah kepada MPS, pihak mahkamah dan penimbang tara hendaklah merujuk kepada keputusan-keputusan MPS yang telah disiarkan terlebih dahulu. Mahkamah dan penimbang tara boleh menghubungi Sekretariat untuk sebarang persoalan awal atau mendapatkan keterangan lanjut berhubung keputusan-keputusan tersebut.
4. Rujukan persoalan Syariah kepada MPS hendaklah dikemukakan dengan menggunakan borang seperti di Lampiran A kepada:

**Sekretariat
Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia
Jabatan Perbankan Islam dan Takaful
Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel: 60(3) 2698 8044 (samb 7248)
Faksimili : 60(3) 2694 3724
Emel : sac.secretariat@bnm.gov.my**

PERSOALAN BERBANGKIT BERHUBUNG DENGAN PERKARA SYARIAH BERKENAAN PERNIAGAAN KEWANGAN ISLAM

5. Hanya persoalan-persoalan berhubung dengan perkara Syariah yang berbangkit dalam sesuatu prosiding berkenaan perniagaan kewangan Islam sahaja yang sepatutnya dirujuk kepada MPS.
6. Persoalan berbangkit berhubung dengan perkara Syariah ialah:

“Persoalan tentang hukum Syarak bagi sesuatu perkara berkaitan kewangan Islam, yang melibatkan perkara-perkara yang telah atau belum diputuskan oleh MPS. Persoalan-persoalan tersebut merangkumi dan tidak terhad kepada aspek-aspek perniagaan kewangan Islam seperti struktur perniagaan, produk atau perkhidmatan, pelaksanaan atau operasi, terma dan syarat atau dokumentasi.”¹

Illustrasi I: Bukan Isu Syariah

Dalam suatu prosiding mahkamah, timbul persoalan tentang status pelesenan sesebuah institusi perbankan Islam di Malaysia. Persoalan ini tidak berkaitan dengan perkara Syariah.

Illustrasi II: Soalan struktur perniagaan, produk dan perkhidmatan

MPS telah memutuskan bahawa akad tawarruq boleh digunakan bagi menstruktur kemudahan pembiayaan. Seorang pelanggan telah mempertikaikan status pematuhan Syariah produk pembiayaan berasaskan tawarruq yang ditawarkan oleh sebuah institusi perbankan Islam kerana ia menggunakan logam perak sebagai aset pendasar bagi urus niaga tawarruq dalam pembiayaan tersebut.

Dalam hal ini, mahkamah boleh merujuk kepada MPS berhubung dengan isu sama ada penggunaan logam perak sebagai aset pendasar bagi urus niaga tawarruq seperti dalam pembiayaan tersebut dibenarkan dari sudut Syarak.

¹ MPS, dalam mesyuaratnya yang ke-117 bertarikh 19 Oktober 2011 telah memutuskan bahawa definisi ini sesuai untuk membantu mahkamah atau penimbang tara mengenal pasti persoalan berbangkit berhubung perkara Syariah.

Illustrasi III: Soalan pelaksanaan dan operasi

MPS telah memutuskan bahawa akad bai`inah boleh digunakan bagi menstruktur kemudahan pembiayaan. Seorang pelanggan mempertikaikan di mahkamah bahawa struktur produk pembiayaan institusi kewangan A yang berasaskan bai`inah adalah tidak patuh Syariah kerana urus niaga yang berlaku tidak mengikut turutan jual beli dalam akad `inah.

Dalam hal ini, mahkamah boleh merujuk kepada MPS untuk mendapat penjelasan tentang apa yang dimaksudkan dengan “turutan jual beli dalam akad `inah” atau yang seumpama dengannya.

Walau bagaimanapun, turutan sebenar yang dilakukan dalam kes tersebut ialah persoalan fakta yang hendaklah diputuskan oleh mahkamah atau penimbang tara. Begitu juga dengan persoalan sama ada turutan yang dilakukan itu selaras dengan kehendak Syariah atau tidak ialah keputusan yang perlulah dibuat oleh mahkamah atau penimbang tara.

Illustrasi IV: Soalan terma, syarat dan dokumentasi

MPS telah memutuskan bahawa ta`widh boleh diguna pakai dalam produk pembiayaan. Terdapat pertikaian di mahkamah antara seorang pelanggan dan institusi kewangan Islam berhubung klausa ta`widh yang terkandung dalam perjanjian yang dimeterai antara kedua-dua belah pihak. Pelanggan mempertikaikan bahawa klausa tersebut tidak patuh Syariah kerana melibatkan persetujuan awal oleh pihak-pihak yang berkontrak terhadap suatu kadar ta`widh.

Dalam hal ini, mahkamah boleh merujuk kepada MPS sama ada persetujuan awal oleh pihak-pihak berkontrak terhadap suatu kadar ta`widh dibenarkan.

Illustrasi V: MPS belum ada keputusan

MPS telah memutuskan resolusi pengenaan ta`widh bagi pembiayaan berasaskan jual beli. Terdapat pertikaian sama ada ta`widh boleh dikenakan bagi pembiayaan berasaskan qard. Memandangkan tiada keputusan spesifik mengenainya, mahkamah boleh merujuk persoalan tersebut kepada MPS.

7. Dalam menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh mahkamah atau penimbang tara, MPS mengambil maklum bahawa tugas MPS hanyalah untuk menentukan hukum Syarak berhubung dengan isu-isu yang dikemukakan. MPS tidak mempunyai bidang kuasa untuk membuat penemuan fakta atau mengaplikasikan sesuatu hukum itu ke atas fakta kes dan membuat keputusan, sama ada mengenai sesuatu isu atau bagi kes tersebut kerana perkara-perkara tersebut terletak dalam bidang kuasa mahkamah atau penimbang tara.

Ilustrasi VI:

Mahkamah telah mengemukakan satu soalan iaitu sama ada suatu sijil itu sah bagi mewakili sebuah unit dalam suatu bangunan untuk dijadikan aset yang diurusniagakan dalam suatu urus niaga murabahah.

Dalam menjawab persoalan ini, perkara-perkara berikut perlu dilaksanakan:


- I. Mengkaji sijil berkenaan dan membuat penemuan fakta mengenainya (berdasarkan bukti-bukti, kesaksian dan sebagainya);*
- II. Menentukan hukum Syarak mengenai murabahah dan kesahan sesuatu aset dalam suatu urus niaga murabahah;*
- III. Mengaplikasikan hukum Syarak itu ke atas fakta; dan*
- IV. Membuat keputusan terhadap persoalan tersebut, yang mungkin juga akan memutuskan kes tersebut secara keseluruhan.*

Hanya perkara II ialah bidang kuasa MPS. Manakala perkara I, III dan IV ialah bidang kuasa mahkamah atau penimbang tara.

8. Setelah menerima persoalan-persoalan daripada mahkamah atau penimbang tara, MPS akan mengenal pasti dan menganalisis isu-isu Syariah yang terkandung di dalamnya dan menentukan hukum Syarak mengenainya. Mahkamah atau penimbang tara akan membuat keputusan dengan mengaplikasikan hukum Syarak yang ditentukan oleh MPS ke atas fakta kes tersebut.

BAHAGIAN C: PENERIMAAN RUJUKAN DARIPADA MAHKAMAH DAN PENIMBANG TARA

CARTA ALIRAN RUJUKAN DARIPADA MAHKAMAH DAN PENIMBANG TARA



Proses	
(1)	Pihak mahkamah/penimbang tara merujuk persoalan Syariah kepada MPS melalui Sekretariat.
(2)	Sekretariat membuat analisis dan kajian.
(3)	Analisis dan kajian daripada Sekretariat dibentangkan dalam mesyuarat MPS untuk mendapatkan keputusan.
(4)	MPS membuat keputusan Syariah berhubung dengan perkara yang dirujuk dan akan direkodkan oleh Sekretariat.
(5)	Keputusan MPS yang telah disahkan oleh Pengerusi MPS akan dimaklumkan seberapa segera kepada mahkamah atau penimbang tara berkenaan.

9. Melainkan terdapat perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan, keputusan MPS hendaklah dikeluarkan tidak lewat daripada 90 hari daripada tarikh rujukan yang lengkap diterima oleh Sekretariat.

BAHAGIAN D: TADBIR URUS DAN PROSEDUR MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT SYARIAH

MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT SYARIAH

10. Sekretariat hendaklah dalam tempoh tujuh (7) hari setelah menerima rujukan daripada mahkamah atau penimbang tara, memaklumkan secara bertulis kepada ahli-ahli MPS berhubung mesyuarat yang akan diaturkan.
11. Sekretariat akan mengaturkan mesyuarat pada tarikh, masa dan tempat seperti yang dipersetujui oleh MPS bagi membincangkan sebarang rujukan berhubung dengan perkara Syariah oleh mahkamah atau penimbang tara.

HAK UNTUK DIDENGARI

12. Pihak-pihak yang bertikai bolehlah mengemukakan pendapat atau hujah pakar Syariah masing-masing berkenaan isu-isu tersebut secara bertulis bersama-sama kertas rujukan mahkamah atau penimbang tara kepada MPS. Sekiranya MPS fikirkan perlu, pakar-pakar Syariah kedua-dua pihak yang bertikai boleh dijemput untuk mengemukakan pendapat atau hujah Syariah berhubung dengan perkara yang dirujuk.

LAMPIRAN A



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

**BORANG RUJUKAN OLEH MAHKAMAH/PENIMBANG TARA KEPADA
MAJLIS PENASIHAT SYARIAH BANK NEGARA MALAYSIA**

(Seksyen 51(2) Akta Bank Negara Malaysia 2009)

**FORM ON REFERENCE BY COURT/ARBITRATOR TO
SHARIAH ADVISORY COUNCIL CENTRAL BANK OF MALAYSIA**

(Section 51(2) Central Bank of Malaysia Act 2009)

A. PROSEDUR MEMBUAT RUJUKAN | PROCEDURE ON MAKING REFERENCE

- Sebelum merujuk kepada Majlis Penasihat Syariah (MPS), mahkamah atau penimbang tara hendaklah merujuk kepada keputusan-keputusan MPS yang telah disiarkan terlebih dahulu.
- Keputusan-keputusan MPS yang telah disiarkan boleh diperolehi di laman sesawang <http://www.bnm.gov.my> atau melalui Sekretariat MPS BNM.
- Segala maklumat dalam borang ini hendaklah diisi dengan lengkap. Hujah-hujah Syariah kedua-dua pihak, jika ada, bolehlah disertakan.
- Sila hantarkan borang yang lengkap ke alamat berikut:
- *Before making a reference to the Shariah Advisory Council (SAC), the court or the arbitrator should first refer to published rulings of the SAC.*
- *Published rulings of SAC are available at <http://www.bnm.gov.my> or via SAC BNM Secretariat.*
- *All the information in this form shall be filled completely. Shariah arguments of both parties, if any, may be attached thereto.*
- *Please submit the duly completed form to:*

Sekretariat
Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia
Jabatan Perbankan Islam dan Takaful
Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel: 60(3) 2698 8044 (samb 7248)
Faksimili : 60(3) 2694 3724
Emel : sac.secretariat@bnm.gov.my

B. MAKLUMAT PERUJUK | REFEROR'S DETAILS

Sila tandakan [] pada petak yang berkenaan:

Please tick [] on the relevant box:

- Mahkamah Majistret | *Magistrate Court*
- Mahkamah Sesyen | *Sessions Court*
- Mahkamah Tinggi | *High Court*
- Mahkamah Rayuan | *Court of Appeal*
- Mahkamah Persekutuan | *Federal Court*
- Pusat Timbang Tara | *Centre for Arbitration*
- Penimbang Tara | *Arbitrator*
- Lain-lain | *Others* : _____

1. Nama | Name:

2. Jawatan Sekarang | Current Position:

3. Alamat Surat-Menyurat | Corresponding Address:

4. Emel | Email:

5. No Telefon | Telephone No:

6. No Faks | Fax No:

C. MAKLUMAT RINGKAS PERKARA YANG DIRUJUK | *BRIEF INFORMATION ON MATTERS TO BE REFERRED*

Sila lampirkan **salinan** dokumen-dokumen yang berkaitan dan pastikan fakta-fakta berkaitan diterangkan dengan jelas.

Please enclose a copy of relevant documents and please ensure all the relevant facts are clearly explained.

7. Maklumat Ringkas Pihak yang Bertikai | *Brief Information on Parties to the Dispute:*

8. Latar Belakang Ringkas Kes | *Brief Background of Case:*

9. Isu-isu Syariah | *Shariah Issues:*